

## KEGEMILANGAN ISLAM MELAKA DI BAWAH DUA GENERASI PEMERINTAH (1445-1477)

**SYAIMAK ISMAIL**  
*Universiti Teknologi Mara*  
[syaimak@uitm.edu.my](mailto:syaimak@uitm.edu.my)

**MUHAMMAD SAIFUL ISLAM ISMAIL**  
*Universiti Teknologi Mara*  
[saifulislam@uitm.edu.my](mailto:saifulislam@uitm.edu.my)

**MUHAMMAD ANAS IBRAHIM**  
*Universiti Teknologi Mara*  
[anasibrahim@uitm.edu.my](mailto:anasibrahim@uitm.edu.my)

**MOHD KHAIRI ISMAIL**  
*Universiti Teknologi Mara*  
[khairiismail@uitm.edu.my](mailto:khairiismail@uitm.edu.my)

### ABSTRAK

Melaka muncul sebagai pusat perdagangan antarabangsa pada abad ke-15, pelabuhan terulung ini menjadi saksi kepada kehadiran pelbagai bangsa dari seantero dunia yang datang dengan tujuan untuk berdagang dan menjual barangan yang dibawa khusus dari negara masing-masing. Pertembungan budaya, agama, bahasa dan adat telah membawa kepada pertumbuhan budaya dan adat Melayu selain memperkayakan pebendaharaan bahasa Melayu yang menjadi bahasa perantaraan masyarakat pedagang di pelabuhan Melaka. Kehadiran ulama berbangsa Arab ke Melaka telah membawa kepada perkembangan agama Islam bahkan kedatangan mereka telah memberi kebaikan apabila masyarakat di Melaka majoritinya memeluk agama Islam mengikut saranan raja yang memerintah pada ketika itu. Sejarah di Alam Melayu membuktikan Melaka sebagai pusat perkembangan Islam yang terulung di Asia Tenggara. Peranan Melaka sebagai lokasi perkembangan ilmu pengetahuan Islam telah menjadi bukti bahawa Islam adalah agama anutan yang utama bagi masyarakat Melayu yang menetap di Kepulauan Melayu pada abad ke 15. Usaha dan campur tangan pemerintah telah menjadikan Melaka semakin maju dalam aktiviti perkembangan ilmu dan penyebaran Islam. Kajian ini akan melihat lebih lanjut usaha dan peranan dua pemerintah ulung yang memerintah pada era kegemilangan Melaka dalam meletakkan panji Islam sebagai paksi pemerintahan. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dan analisis berbentuk deskriptif bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan. Hasil daripada kajian ini mendapati, dua orang sultan iaitu Sultan Muzaffar Shah (1445-1459) dan Sultan Mansur Shah (1459-1477) yang bertanggungjawab memastikan Islam terus tersebar di keseluruhan alam Melayu. Selain itu, antara faktor yang menggalakan pertumbuhan Islam di Melaka adalah kerana kestabilan politik, perkembangan ilmu yang pesat dan pengukuhan undang-undang Islam.

**Kata Kunci:** Dua; generasi; Islam, kegemilangan; Melaka

## **THE GLORY OF ISLAM IN MELAKA BENEATH TWO GENERATIONS OF EMPIRE (1445-1477)**

### **ABSTRACT**

Melaka emerged as a centre of international trade during 15th century, this foremost trade centre witnessed the presence of various races came around the globe with the aim of trading and selling goods brought. The divergent of cultures, religions, languages and customs has led to the growth of Malay society. The presence of Arab preachers has led to the development of Islam which has benefited to the community by embracing Islam as accordance to the rulers. The Malay World History has proved that Melaka served as the regional centre for propagation of Islam in the Southeast Asia. This arrival has made this state plays a significant role in disseminating the knowledge of Islam which became a dominant religion in the state during the 15th century. The ruler's intervention and efforts has made Melaka flourished in aspect of knowledge and spread of Islam. This article tends to further the efforts of two rulers that lead Islam during the glorious era of Melaka. The objective of article is to study roles and contribution amongst the rulers in spreading Islam in Melaka. Qualitative via descriptive analysis method was employed in order to answer the objective of study. The findings reveal that there were two sultanates of Melaka namely; Sultan Muzaffar Shah (1335-1459) and Sultan Mansur Shah (1459-1477) who were responsible to enhance the disseminating of Islam in Melaka during the century. Other factors contribute to Islamic growth in Melaka such as rapid development of knowledge, political stability, and the enforcement of Islamic law.

**Keywords:** Two; generation; Islam; glory; Melaka

### **PENGENALAN**

Melaka merupakan pusat pelabuhan antarabangsa yang berfungsi sebagai pusat perdagangan dunia. Selain itu, pelabuhan Melaka memainkan peranan sebagai pusat penyebaran agama Islam yang terbesar di alam Melayu dan telah melahirkan ramai penganut agama Islam dari serata tempat. Setiap pemerintah daripada kepimpinan Kesultanan Melayu Melaka memainkan peranan penting dalam memastikan agama Islam terus tersebar di seluruh negeri Melaka dan negara-negara yang berada di bawah taklukannya. Selain itu pemerintah sendiri turut melibatkan diri dengan aktiviti keagamaan di pusat-pusat pengajian agama seperti istana dan masjid-masjid (Fatimi. S.Q, 1963). Kemudahan rumah ibadat turut disediakan untuk kegunaan rakyat agar mereka boleh menjalani aktiviti ibadat dan menuntut ilmu agama tanpa sebarang halangan. Masyarakat tempatan yang beragama Islam digalakkan untuk menuntut ilmu agama dengan guru-guru yang dilantik khas oleh sultan yang memerintah bagi memberikan ilmu kepada masyarakat. Setiap pemerintah yang mentadbir Melaka sentiasa menunjukkan minat mempelajari ilmu-ilmu agama Islam bahkan mereka turut membantu mengembangkan agama ini melalui kaedah penaklukan dan perkahwinan. Penaklukan merupakan kaedah yang mudah untuk mengislamkan pemerintah dari negara yang ditakluki. Bagi mengukuhkan lagi agama Islam di negeri yang ditakluk, pemerintah Melaka akan mengahwini puteri dari kerajaan taklukan kerana perkahwinan adalah salah satu cara yang dapat meluaskan pengaruh Islam dalam sebuah negara (Fatimi. S. Q, 1963). Sehubungan itu, kajian ini akan melihat sumbangan

Sultan Muzaffar Shah dan Sultan Mansur Shah untuk memastikan perjalanan agama Islam tersebar dengan baik dan menjadi agama anutan utama masyarakat di Asia Tenggara.

Peranan Melaka sebagai pusat penyebaran dakwah diakui oleh sejarawan Bara D. G. E. Hall (1996) yang membahaskan tentang peranan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam di Asia terutamanya selepas kejatuhan kerajaan Samudera Pasai. Namun begitu, Melaka bukanlah negeri pertama yang menerima Islam kerana sebelum Melaka, negeri-negeri di bahagian Semenanjung telah menerima agama ini terlebih dahulu. Menurut teori Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), Terengganu adalah negeri pertama yang menerima Islam berdasarkan penemuan Batu Bersurat Terengganu di Teresat, Kuala Berang yang bertarikh 1303M. Batu bersurat tersebut adalah bukti kepada kewujudan penempatan yang dihuni masyarakat Islam di Kuala Berang. Selain bukti kepada pengislaman yang berlaku pada peringkat awal di Tanah Melayu kerana Islam dilihat sudah mula bertapak di Pantai Timur Semenanjung sebelum bangkitnya kerajaan Melayu Melaka. Islam juga sebenarnya dikatakan telah bertapak lebih awal di Kedah iaitu sekitar abad ke sembilan masihi sewaktu Kedah menjadi pusat perdagangan utama.

Walaupun Kedah dan Terengganu menerima Islam lebih awal, kedua-dua negeri ini tidak berperanan besar dalam mengembangkan dakwah Islamiah di Tanah Melayu berbanding fungsi dan peranan pelabuhan Melaka yang begitu besar. Selain menjadi pusat perdagangan, pelabuhan tersebut juga berfungsi sebagai pusat penyebaran dan perkembangan agama Islam di rantau Asia Tenggara. Ekoran daripada itu juga Portugis bertindak menakluk Melaka kerana matlamat utama Portugis yang beragama Kristian adalah untuk memerangi umat Islam yang digelar Moor. Oleh itu, Melaka berperanan besar sebagai penyambung kepada tradisi dakwah Islamiah di rantau Kepulauan Melayu ini walaupun Melaka menerima Islam lebih lambat berbanding Terengganu, Kedah dan Pasai. Jika di luar Tanah Melayu, Islam telah sampai di Pasai sekitar abad ke-13 masihi dan bertambah pesat sewaktu kehadiran Ibn Battutah sekitar tahun 1345 masihi (Yahya, 1976).

*Sejarah Melayu* telah mencatatkan tentang kisah seorang ulama berbangsa Arab yang bernama Sheikh Abdul Aziz yang mengislamkan raja Melaka iaitu Parameswara atau Raja Kecil Besar yang kemudiannya dikenali sebagai Iskandar Shah (Shellabear, 1977) bahkan gelaran 'Shah' ini diberikan oleh Sheikh Abdul Aziz kepada pemerintah Melaka yang melambangkan pengaruh daripada Parsi yang memberi maksud raja (Majul. C.A, 1964). Pengislaman baginda adalah melalui mimpi yang diterima dari langit yang mengajarnya untuk menyebut kalimah shahadah dengan bantuan Rasulullah s.a.w. Sebaik sahaja sedar dari mimpi, baginda dapati telah dikhatankan dan tubuhnya berbau harum. Mimpi yang diterima itu juga mengingatkan baginda tentang kedatangan kapal dari Jeddah yang akan datang ke pelabuhan Melaka dan apabila pemerintah Melaka memeluk Islam secara automatiknya seluruh masyarakat Melaka yang mentaati raja turut memeluk agama ini (Cheah Boon Keng, 1964; Cortesao, 1944). Dalam *Sejarah Melayu* juga menegaskan bahawa pengislaman keseluruhan negeri Melaka itu bermula dengan pemerintah yang kemudiannya diikuti oleh pembesar dan seterusnya diikuti oleh rakyat jelata (A. Samad Ahmad, 2015).

Pengislaman raja Melaka bermula dengan Parameswara hal ini adalah berdasarkan kepada pandangan Eredia bahawa Parameswara sudah pun memeluk Islam sewaktu berada di Melaka (Mills, 1930). Dakwaan yang sama turut diutarakan oleh Ma Huan (1970) sewaktu melawat Melaka, beliau mengatakan Parameswara telah memeluk ajaran Islam dan baginda dikatakan telah memeluk agama tersebut beberapa tahun sebelum beliau datang ke Melaka dan berpegang dengan fahaman mazhab Syafie. *Sejarah Melayu* juga ada menyebut nama Parameswara dengan gelaran Iskandar Shah dengan merujuk baginda dengan penggunaan nama dalam Bahasa Arab tanpa menyebut nama Parameswara dalam teks berkenaan (Shellabear, 1970).

Pengislaman raja Melaka telah mengukuhkan kedudukan Islam di Melaka dan akhirnya menjadi pusat penyebaran Islam yang terbesar di Asia Tenggara bahkan Melaka banyak mengislamkan negara-negara sekitarnya melalui beberapa platform seperti penyebaran Islam, perkahwinan dan penaklukan. D'Albuquerque ada melaporkan tentang kedudukan Melaka yang berperanan besar sebagai pusat penyebaran Islam, "*Melaka was the right Mecca.*" (Alfonso Dalboquerque, 1875). Kenyataan ini menggambarkan bahawa keadaan kota Melaka pada saat itu sangat luar biasa pengaruhnya dengan ajaran Islam selain melambangkan ketinggian dan kedudukan Melaka sebagai pusat perkembangan Islam di Kepulauan Melayu. Disebabkan kemajuaan Islam di Melaka dan peranannya yang penting telah mendorong Portugis untuk menakluk Melaka kerana permusuhan dan kebencian terhadap masyarakat Islam yang digelar *Moor* (Schrieke, B, 1957).

### METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini berbentuk kaedah kualitatif. Metod pengumpulan data yang digunakan adalah dengan menganalisis semula sumber daripada data primer dan sekunder bagi mendapatkan jawapan kepada objektif kajian. Fokus kajian adalah melihat kepada sorotan literatur dalam aspek perkembangan, politik dan pertahanan, pendidikan, serta undang-undang yang dilaksanakan oleh dua pemerintah ulung yang hidup sewaktu era kegemilangan Melaka. Bagi tujuan analisis data, penyelidik menggunakan metod deskriptif untuk menganalisis sumbangan dua orang pemerintah daripada empayar agung ini.

### KAEDAH PERKEMBANGAN AGAMA ISLAM DI MELAKA

Pemerintah daripada kesultanan Melayu Melaka mengamalkan beberapa metod penting dalam membantu kepada perkembangan agama Islam di Melaka. Pertama sekali adalah pengukuhan politik dan pertahanan Islam, metod kedua melalui penyebaran dakwah dan perkembangan ilmu pengetahuan. Metod ini berlaku secara dua hala, pertama Melaka sebagai pusat perkembangan ilmu dan kedua pencarian ilmu di negara-negara yang memiliki kepakaran dalam ilmu Islam seperti Pasai. Manakala metod ketiga pula adalah melalui penguatkuasaan undang-undang Islam. Metod yang diaplikasikan ini menjadi elemen penting yang berjaya mengukuhkan politik, pertahanan dan ekonomi Kesultanan Melayu Melaka selain menjadi asas utama kepada perkembangan ilmu pengetahuan yang berteraskan Islam. Dalam penulisan Abdul Rahman Ismail memuji tiga orang sultan iaitu Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah dan Sultan Alaudin Riayat Shah kerana memiliki keperibadian dan akhlak yang tinggi (Abdul Rahman Ismail, 2008). *Sejarah Melayu* mencatatkan wasiat bercirikan Islam yang ditinggalkan oleh pemerintah kepada bakal pengganti sultan. Hal ini memperlihatkan kepimpinan seorang sultan yang bercirikan Islam dan berlandaskan syariat berdasarkan kepada intipati wasiat yang menekankan amanah dalam pentadbiran seperti mana yang dipesan kepada setiap bakal pengganti sultan. Sultan Mansur Shah adalah sultan pertama yang meninggalkan wasiat bercirikan Islam dan diikuti Sultan Alauddin Riayat Shah (Shellabear, 1977). Berbeza dengan pemerintah yang sebelumnya yang tidak meninggalkan sebarang wasiat berunsurkan Islam kepada penggantinya (Cheah Boon Keng, 1998). Sultan-sultan Melaka juga menyimpan hasrat murni untuk menunaikan ibadah haji di Mekah seperti Sultan Mansur Shah yang membuat tempahan kapal layar dari Pegu bagi digunakan untuk ke Mekah. Begitu juga Sultan Alauddin yang merancang untuk menjalankan ibadah haji di Mekah sewaktu baginda berada di Bertam dan pulang ke Melaka untuk membuat persiapan (Cortesao, 1944).

## POLITIK DAN PERTAHANAN

Pemerintahan Sultan Muzaffar Shah telah menyaksikan sumbangan baginda dalam membangunkan Melaka dan pada tahap ini Melaka telah mencapai kemasyhuran dan reputasi baik di mata dunia selain memiliki kekayaan yang besar. Pada saat itu juga Melaka sudah mampu berdikari sendiri tanpa perlu mengharapkan kuasa besar yang lain kerana memiliki angkatan pertahanan yang kukuh. (De Menenes, 1970) Kemuncak kepada kestabilan politik Melaka juga dikecapi hasil daripada usaha Sultan Muzaffar Shah mengatasi ancaman Siam selain berjaya mengawal konflik antara orang Melayu dan India-Muslim. (Paul Wheatley, 1995) Baginda berjaya menamatkan konflik yang melanda dalam kalangan pembesar Melayu dan India Muslim yang saat itu berpecah kepada dua kelompok yang mewakili etnik masing-masing atas faktor perebutan kuasa (A. Samad Ahmad, 2015).

Baginda juga memainkan peranan penting dalam menumpaskan ancaman Siam sekaligus berjaya menewaskan Siam yang mendesak Melaka agar membayar ufti berikutan daripada rasa tidak puas hati Siam dengan kekayaan yang dimiliki oleh kerajaan Melaka. Selain daripada itu, Siam masih menyimpan dendam dengan Melaka kerana meminta bantuan daripada China untuk melepaskan diri daripada bertuanan Siam sewaktu awal pembukaan kota Melaka yang dipimpin Parameswara (Ahmad Adam, 2016). Strategi politik yang direncanakan Sultan Muzaffar Shah berjaya menundukan Siam dengan mematahkan serangan negara Gajah Putih itu melalui beberapa strategi ampuh yang direncana tanpa perlu bergantung kepada kuasa besar China yang pada saat itu menutup pintu diplomatik dengan negara luar (Zainal Abidin, 1983).

Kestabilan yang berjaya dikecapi ini telah memudahkan lagi proses perkembangan agama Islam di Melaka. Baginda juga adalah sultan pertama yang memerintah menggunakan prinsip Islam sepenuhnya dengan mengutamakan ajaran Islam dalam urusan politik (Yahya Abu Bakar, 1978). Sebagai seorang pemerintah yang mengamalkan ajaran Islam baginda turut mempratikkan Bahasa Arab dalam pemerintahan apabila baginda dengan rasmi menggunakan istilah 'sultan' menggantikan penggunaan perkataan 'raja' sebagai pemerintah dan gelaran tersebut terus diguna pakai oleh raja-raja yang berikutnya (Geoff Wade, 2007). Perkataan sultan adalah berasal daripada perkataan Bahasa Arab yang membawa erti 'pemerintah' dan perkataan ini diulang beberapa kali dalam al-quran seperti yang boleh dibaca dalam surah al-Nisa ayat 153 dan surah Yusof ayat 40 (Abdul Monir Yaacob, 2016). Sebelum kedatangan Islam, raja-raja Melayu diberi gelaran *devaraja* yang bermaksud jelmaan tuhan Siva yang merupakan pengaruh daripada ajaran Hindu-Buddha (Donald. K, 1995). Selepas kedatangan Islam gelaran *devaraja* ini telah digantikan dengan gelaran *zilullah fi ard* yang membawa maksud bayangan tuhan di muka bumi (Barthhold Wilhelm, 1963). Pemerintah bukan lagi dianggap sebagai jelmaan tuhan seperti dalam agama Hindu-Buddha tetapi merupakan wakil Allah bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Gelaran yang diberikan ini berjaya mengekalkan kedudukan politik dan kekuasaan sultan-sultan Melayu dan berterusan menerima mandat daripada rakyat jelata untuk meneruskan kepimpinan di Melaka (Chandra Muzaffar, 1992).

Selain daripada itu, mata wang pertama Melaka yang dikeluarkan oleh Sultan Muzaffar Shah tertera tulisan al-Sultan Muzaffar Shah, manakala pada bahagian belakang tertulis *Nasir al-Dunya wa'l-Din* yang bermaksud pembantu dunia dan agama (Syed Zulfida, 2013). Penggunaan istilah ini memperlihatkan unsur-unsur Islam di dalam pentadbiran Sultan Muzaffar Shah seterusnya menghapuskan pengaruh Hindu-Buddha yang menjadi nadi dalam kehidupan masyarakat Melayu secara berperingkat dengan menyuntik elemen Islam dalam pentadbiran baginda. Usaha ini juga adalah hasil daripada bantuan golongan ulamak yang berusaha mengubah corak pemikiran rakyat Melaka ke arah Islamisasi (Al-Attas, 1996).

Hasil daripada kestabilan politik dan pertahanan ini menggalakan lagi proses Islamisasi di seluruh Kawasan di Asia Tenggara. Menjelang abad ke-14 pedagang dari India dan Arab berperanan besar dalam membantu proses Islamisasi di Melaka. Usaha penyebaran Islam berlaku secara pesat sewaktu zaman Sultan Muzaffar Shah dan saat itu juga Islam berjaya disebarkan ke Jawa, Borneo dan selatan Filipina melalui kaedah perkahwinan dan penaklukan (Winstedt, 1935). Islam Baginda juga berjaya mempengaruhi raja-raja Pahang, Kampar dan Inderagiri untuk memeluk agama Islam dan kegiatan dakwah yang dilakukan Sultan Muzaffar Shah ini mendapat respon yang baik daripada raja-raja daripada kerajaan lain. Baginda juga mengislamkan kesemua rakyat jajahan Melaka dengan menghantar pendakwah-pendakwah yang dilantik ke negara berkenaan untuk menyebarkan Islam bahkan baginda sentiasa memberi galakkan kepada para pendakwah untuk keluar menyampaikan tentang Islam kepada masyarakat Melaka dan wilayah di sekitar Nusantara (Ahmat Adam, 2016).

Setiap pemerintah mempunyai bentuk dan gaya pemerintahan yang tersendiri biarpun raja tersebut mewarisi tampuk pemerintahan daripada pemerintah sebelumnya. Sultan Mansur Shah merupakan seorang sultan yang berjiwa besar dan berfikiran luas. Baginda sentiasa mencari peluang untuk memajukan Kesultanan Melayu Melaka dengan membuka ruang kepada idea dan perkara baharu serta penyerapan unsur luar bagi memastikan kerajaan baginda makmur dan berkembang. Sebermula pemerintah Sultan Mansur Shah, baginda mencari ruang untuk menambahkan kekayaan Melaka. Sepanjang tempoh pentadbiran, baginda telah menyumbangkan banyak jasa dalam memperluas empayar Melaka yang dilakukan dalam beberapa kaedah. Terdapat tiga kaedah penaklukan yang digunakan, pertama adalah melalui kebijaksanaan, baginda menggunakan kebijaksanaan untuk menimbulkan perasaan hormat negara yang ingin ditakluk dan negara yang ditakluk berasa tertarik dengan negara penakluk yang akhirnya menyebabkan mereka sendiri menawarkan diri untuk berada di bawah perlindungan Melaka kerana mengagumi Sultan Mansur Shah yang berfikiran jauh dan terbuka.

Hal ini menjadikan baginda dikenali di semua negara luar, bahkan negeri-negeri di sekitar Melaka menawarkan kerajaan untuk mempertuankan Melaka kerana kehebatan pemerintahnya (Hamka, 2016). Kaedah kedua melalui peperangan yang berjaya dilancarkan pahlawan dan angkatan Melaka sehingga berjaya menakluk negara yang terlibat. (Cortesao, 1944) Ketiga adalah melalui kaedah perkahwinan sebagaimana yang berlaku melalui perkahwinan dengan puteri Majapahit dan China (Ahmat Adam, 2016). Ketiga-tiga kaedah ini bukan sahaja memberikan keuntungan kepada Melaka kerana memperoleh negara taklukan tetapi dalam masa yang sama, Melaka berjaya mengislamkan negara-negara yang ditawan ini.

Kerajaan Majapahit adalah antara matlamat yang ingin dikecapi oleh Sultan Mansur Shah yang mana baginda mahu menjalin hubungan rasmi dengan kerajaan tersebut. Hubungan kedua-dua kerajaan telah berlaku melalui aktiviti perniagaan dan perdagangan sejak awal kemunculan pelabuhan Melaka. Tahap kehebatan Melaka pada ketika itu menyamai kehebatan kerajaan Pasai dan kerajaan Majapahit (Cortesao, 1944). Namun, Sultan Mansur Shah berhasrat untuk mempengaruhi Majapahit agar memberikan keutamaan kepada Melaka dalam segala perkara. Sebagai strategi utama untuk menjalin hubungan dengan Majapahit, Sultan Mansur Shah memperlihatkan kehebatan Melaka dengan memperluas kekuasaannya di Sumatera (Winstedt, 1935). Pada ketika ini, Majapahit merupakan kuasa yang besar dan mempunyai banyak negeri yang berada di bawah naungannya antaranya ialah Kalimantan, Sumatera dan Sulawesi (Cortesao, 1944). Sultan Mansur Shah berhajat mengadakan kunjungan ke Majapahit untuk menjalin persahabatan dengan kerajaan itu. Mampirlah Sultan Mansur Shah bersama pembesarnya di Majapahit dan sewaktu keberadaan Sultan Mansur Shah di Majapahit dan sebaik sahaja rombongan baginda sultan tiba di Majapahit, rombongan dari Melaka ini disambut dengan gemilang dan penuh dengan adat istiadat diraja. Bentara Majapahit telah membina istana khas untuk tetamu diraja berhampiran kampung Pateh Gajah Mada,

sementara pegawai-pegawai Melaka yang mengiringi baginda ditempatkan di balai-balai sekeliling istana (A. Samad Ahmad, 1970).

Segala layanan baik yang diterima daripada Majapahit ini adalah simbol kepada penghormatan kepada Kesultanan Melayu Melaka kerana pemerintah Majapahit sendiri sememangnya menghormati pemerintah terulung dari Tanah Melayu ini. Oleh hal yang demikian, bentuk layanan yang diberikan juga setaraf dengan kedudukan Sultan Mansur Shah. Kehebatan Sultan Mansur Shah dan kekuatan hulubalang dari Melaka yang beradu kekuatan dengan wakil Majapahit telah membuka mata pemerintah Majapahit akan kepentingan menjalinkan hubungan yang lebih akrab dengan Melaka lalu baginda menganugerahkan puteri baginda, iaitu Puteri Radin Galuh Candra Kirana untuk dikahwinkan dengan Sultan Mansur Shah yang kemudiannya diislamkan termasuk juga rakyat daripada Kerajaan Majapahit.

Kerajaan Majapahit juga turut menyerahkan beberapa kawasan seperti Inderagiri dan Siantan kepada Sultan Melaka dan kesemua penyerahan ini berlaku tanpa sebarang pertumpahan darah tetapi diserahkan berdasarkan hubungan anak dan menantu. Penganugerahan dua wilayah ini telah berjaya mengukuhkan lagi kekuatan Melaka di bahagian selatan Sumatera. Rombongan sultan kembali ke Melaka bersama-sama puteri Majapahit yang kemudiannya melahirkan seorang putera yang dikenali sebagai Raden Kelang (Shellabear, 1970). Kehebatan Kesultanan Melayu Melaka berada di kemuncak pada masa pemerintahan Sultan Mansur Shah, kerajaan Melaka menjadi begitu terkenal dan dikagumi seluruh pedagang yang datang ke Melaka. Kemasyhuran tersebut membawa kepada kemuncak hubungan Melaka-China apabila Maharaja China mengirim utusan kepada Sultan Melaka kerana mahu menjalinkan hubungan dengan Melaka kerana kedudukan Melaka yang begitu agung di persada dunia ketika itu (Ahmat Adam, 2016).

Strategi politik yang dirangka Sultan Mansur Shah ini telah berjaya mengukuhkan kedudukan Melaka daripada aspek pertahanan bahkan nama Melaka menjadi lebih terkenal selain meletakkan Melaka sebagai kerajaan agung di Asia Tenggara dan keadaan ini memudahkan usaha penyebaran Islam dan perkembangan ilmu pengetahuan di negeri-negeri lain.

## PENDIDIKAN DAN PENYEBARAN AJARAN ISLAM

*Sejarah Melayu* menyebut tentang minat baik yang ditunjukkan para pemerintah terhadap perkembangan ilmu pengetahuan. Seperti Sultan Muzaffar Shah yang sedia merendahkan dirinya dan meletakkan kebesarannya ditepi semata-mata mahu menuntut ilmu agama. Atas dasar minat yang ditonjolkan ini telah berjaya menjadikan Melaka sebagai pusat ilmu pengetahuan dan kebudayaan Melayu Islam di kepulauan Melayu. Misalnya Sultan Pahang, Kampar dan Inderagiri telah menjadikan Melaka sebagai destinasi untuk menuntut ilmu pengetahuan yang berlandaskan agama Islam. Selain itu, Melaka turut memainkan peranan penting dengan menyebarkan agama Islam ke seluruh pelosok Kepulauan Melayu (Ismail Hamid, 1985; Johari & Mamat, 2017). Melaka juga berjaya melahirkan ramai tokoh ilmuwan dan sasterawan yang menghasilkan penulisan tentang kitab-kitab agama Islam dan sejarah Melayu seperti *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* yang menjadi bacaan utama sewaktu abad ke-15 terutamanya sewaktu Melaka sedang menghadapi pencerobohan Portugis (Ahmat Adam, 2016).

*Hikayat Iskandar Zulkarnain* yang dipercayai telah diketahui di Melaka kerana nama seorang raja Melaka diambil daripada nama watak hikayat tersebut. Malahan tradisi raja Melayu yang bermula dari Melaka telah mendakwa sebagai keturunan Iskandar Zulkarnain iaitu watak utama dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* (Ismail Hamid, 1985). Kesemua penulisan hikayat ini ditulis dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi sebagai pengantar kepada perkembangan ilmu pengetahuan. Dengan penggunaan Bahasa Melayu dan

tulisan Jawi ini memudahkan lagi perkembangan agama Islam di pelosok negara (Zubir Uthman, 1937). Huruf-huruf daripada Al-Quran telah di Melayukan dan disesuaikan sebutannya dengan sebutan Bahasa Melayu. Walaupun pada hakikatnya, orang Arab tidak pernah menjajah Kepulauan Melayu tetapi banyak kata serapan Arab didapati dalam Bahasa Melayu dan tulisan Jawi (Syed Naqib Al-Attas, 2015).

Bahasa Melayu memainkan peranan sebagai bahasa pengantar utama sejak sebelum kedatangan Islam ke Melaka lagi. Bahasa ini menjadi bahasa pendidikan dan bahasa utama dalam perkembangan ilmu pengetahuan di nusantara. Apabila Islam bertapak di Melaka, Bahasa Melayu menjadi pendorong kepada proses perkembangan agama Islam di Nusantara yang akhirnya melahirkan karya-karya sastera yang dikarang dalam Bahasa Melayu selain menjadi bahasa pengantar kepada proses penyebaran dakwah di Melaka dan Nusantara. (Khuo Kay Kim, 1982) Pendidikan Islam yang meresap ke dalam jiwa masyarakat Melaka telah berkembang ke serata Nusantara dan Asia Tenggara. Bahasa Melayu menjadi perantara dalam penyebaran agama Islam sekaligus mengukuhkan kedudukan Bahasa Melayu dan mengukuhkan hubungan persaudaraan bangsa Melayu di Nusantara (Zubir Uthman, 1937). Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perantaraan, bahasa pemerintahan, bahasa pendidikan dan bahasa perundangan dan semuanya terbukti melalui penemuan batu bersurat Terengganu (Al-Attas, 2015).

Kehebatan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam di kepulauan Melayu semakin menyinar apabila kekuasaan Melaka diambil alih oleh Sultan Mansur. Sewaktu Melaka berada di bawah pentadbiran Sultan Mansur Shah, Melaka menjadi pusat tumpuan ulama-ulama dari seluruh Nusantara, selain daripada bertukar-tukar pandangan dan ilmu mereka turut mendalami teknik-teknik berdakwah untuk menyebarkan Islam di wilayah lain. (Adib Majul, 1978) Di bawah pemerintahan Sultan Mansur Shah, pendakwah akan dihantar ke negeri-negeri di bawah taklukan Melaka bagi menyampaikan ilmu berkaitan Islam kepada masyarakat tempatan seperti yang dilakukan di Minangkabau Timur. Hasilnya ramai masyarakat Minangkabau berjaya diislamkan bahkan mereka turut diajar untuk menyebarkan dakwah Islamiyah ke daerah lain (Mahmud Junus, 1971).

Kestabilan politik Melaka pada ketika itu telah mendorong lebih ramai pendakwah ke Melaka seterusnya membantu kepada proses perkembangan Islam di Melaka dan seluruh Nusantara (Jamil Mukmin, 2004). Pada peringkat ini pendakwah Islam dari Pasai banyak mengambil tempat di Melaka untuk menyampaikan seruan Islam. Sultan Mansur Shah sendiri berguru dengan ulama-ulama dari luar untuk menuntut ilmu seperti Maulana Abu Bakar dan Khadi Yusof (Ahmat Adam, 2016). Atas perintah Sultan Mansur Shah buku dari Pasai yang bertajuk '*Durr Al Manzum*' yang dibawa ke Melaka dan ditafsirkan ke Bahasa Melayu. Pada peringkat ini, kitab Darul Manzum ini telah diterjemahkan oleh Maulana Abu Bakar yang berperanan sebagai penyampai ilmu agama di Melaka dan kesemua golongan pembesar termasuklah Sultan Mansur Shah berguru dengan Maulana Abu Bakar seorang alim yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi (A. Samad Ahmad, 1970).

Situasi ini menunjukkan bahawa baginda Sultan Mansur Shah adalah seorang yang sangat menghargai ilmu bahkan telah mengarahkan agar kitab tersebut dibawa ke Pasai bagi diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu memandangkan Pasai pada saat ini merupakan gedung ilmu pengetahuan. Baginda pernah menghantar wakil ke Pasai bagi merungkai permasalahan agama yang tidak terjawab (Ismail Hamid, 1983). Selain itu, terdapat kitab yang dikarang oleh seorang ulama tasawwuf yang membahaskan tentang dhat dan sifat Allah yang menjadi rujukan para ulama dan ilmuan Islam Melaka. Isu berkaitan penghuni syurga dan neraka turut dibahaskan di Pasai sebelum dibincangkan dan disampaikan ilmunya di Melaka. Pada tahap ini Melaka muncul sebagai pusat perkembangan ilmu teologi dengan bantuan ulama dan pakar agama dari Pasai (Overbeck, H. 1993).

Namun, peranan pedagang dan pendakwah dari India juga tidak boleh dinafikan seperti yang disebut oleh Tom Pires bahawa Melaka dan Gujerat sangat memerlukan antara satu sama lain (Cortesao, 1944). Gujerat yang telah menerima Islam pada abad ke-13M memainkan peranan yang penting dalam penyebaran Islam di Kepulauan Melayu (G.E. Morrison, 1951). Selain itu, pendakwah dari Teluk Benggala dan Corromandel di Selatan India turut memainkan peranan dalam usaha dakwah Islamiah di Melaka. Sultan Mansur Shah juga menggalakkan proses Islamisasi seperti yang berlaku di Kemboja yang mana rakyatnya diislamkan atas perintah baginda dengan kerjasamanya Shah Indera Berma (Arnold, 1975). Kejayaan penyebaran Islam dan kesuasteraan ini adalah hasil daripada dorongan Sultan Mansur Shah yang berjaya menarik minat cendekiawan dan alim ulama untuk berkumpul bagi mengembangkan agama Islam di Melaka yang berlaku secara pesat sewaktu zaman baginda. Keperihatinan baginda terhadap kemajuan dalam perkembangan agama Islam juga boleh dilihat dengan kewujudan jawatan kadi dan fakih yang diamanahkan sebagai individu yang bertanggungjawab dalam melestarikan ajaran Islam di Melaka. Sebagai tanda penghargaan, golongan agamawan ini diberi pelbagai kemudahan dan perlindungan di bawah pemerintahan baginda (Abdullah Ishak, 1990).

Bagi menggalakkan orang bukan Islam untuk memeluk agama ini Sultan Mansur Shah telah menawarkan jawatan besar kepada beberapa orang seperti Keling dari India dan juga dari Palembang. Selain itu, baginda turut menggalakkan perkahwinan di antara puteri-puteri pedagang dengan anak-anak pembesar. Sultan Mansur Shah sendiri turut menganugerahkan bayaran mas kahwin kepada anak-anak pembesar Melaka sebagai satu kaedah untuk menggalakkan mereka untuk bernikah dengan wanita dari kerajaan asing. Melalui perkahwinan putera puteri diraja dan pengiriman duta-duta menjadikan agama Islam tersebar luas di seluruh negara di Semenanjung Tanah Melayu dan negeri-negeri di pinggir laut Sumatera Timur.

Jika dilihat dalam catatan Tom Pires, beliau menyatakan bahawa Sultan Mansur Shah akan mengahwini wanita-wanita dalam kalangan anak saudagar-saudagar yang berdagang ke Melaka dengan menjadikan mereka sebagai gundik dan mengislamkan wanita yang dikahwininya (Cotesao, 1944). Dakwah melalui perkahwinan adalah diantara pendekatan yang sesuai dipraktikkan kerana secara lazimnya setiap wanita yang berkahwin akan mengikut kehendak suaminya apa lagi jika lelaki tersebut adalah dalam kalangan bangsawan.

Keperihatinan Sultan Mansur Shah sebagai ketua agama Islam terserlah apabila baginda mengarahkan pembinaan masjid yang besar dan cantik di atas bukit yang sekarang ini adalah kubu Portugis selain turut membina jambatan dari seberang sungai. Masjid yang dibangunkan atas arahan Sultan Mansur Shah ini didirikan berhampiran dengan istana sultan (Pintado M.J, 1993). Oleh itu, apabila azan berkumandang masyarakat Islam yang terdiri daripada pedagang, pembesar, saudagar-saudagar termasuklah rakyat jelata akan menuju ke arah masjid melalui jambatan yang dibina dari seberang sungai ke arah Bukit Melaka bagi menunaikan kewajipan ibadah. Aktiviti perdagangan yang dijalankan di seberang sungai menjadi pusat tumpuan seluruh masyarakat di negeri Melaka (Mohamed Anwar Omar Din, 2011). Oleh demikian, pembinaan masjid di atas bukit ini dilihat sebagai lokasi yang strategik bagi memudahkan rakyat pergi ke masjid untuk menunaikan solat selain daripada menyediakan kemudahan dan guru agama untuk menuntut ilmu Islam. Bagi memudahkan perjalanan dari arah pasar ke masjid jambatan kayu dibina bagi memudahkan orang ramai untuk menyertai setiap aktiviti yang dilakukan di masjid berkenaan (Cortesao, 1944).

Usaha baginda membangunkan masjid yang berhampiran pasar ini dilihat sebagai satu cara positif bagi menggalakkan semua masyarakat yang seringkali sibuk dengan aktiviti perniagaan di pasar Melaka tidak leka apabila apabila masuk waktu solat. Selain itu, pembinaan masjid di atas bukit ini menjadi simbolik kepada keagungan Islam di Melaka serta peranan sultan sebagai ketua agama Islam itu ditonjolkan melalui kemudahan bagi menjalani ibadah

selain turut memastikan aktiviti dakwah di Melaka sentiasa hidup melalui pembinaan masjid ini. Sultan Mansur Shah merupakan seorang pemerintah yang optimis. Baginda sentiasa berusaha keras dalam memastikan Islam tersebar luas. Pembinaan masjid berhampiran dengan pasar memberi kesan positif kepada perkembangan Islam (Cortesao, 1944).

Melalui perkahwinan Sultan Mansur Shah melakukan penaklukan dan perkahwinan yang berlaku berperanan sebagai medium utama dalam menyebarkan Islam. Di bawah pemerintahan baginda pendakwah-pendakwah dikirim ke seluruh negeri bagi tujuan penyebaran dakwah Islam selain menjemput pendakwah tersohor ke Melaka bagi menyampaikan ilmu kepada rakyat tempatan. Baginda juga menjadikan ilmu sebagai platform penting sebagai panduan kepada rakyat dalam menjadikan Islam sebagai panduan hidup yang sebenar (Cortesao, 1944).

### PENGUKUHAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Undang-undang adalah elemen utama dalam mendisiplinkan masyarakat Melayu di Melaka. Dalam hal ini Sultan Muzaffar Shah telah memperkukuh undang-undang dengan menyuntik elemen Islam ke dalam Undang-Undang Melaka yang merangkumi peraturan di dalam negeri dan lautan yang telah dirangka oleh ayahanda baginda Sultan Muhammad Shah selain turut menekankan tanggungjawab seorang raja, pembesar, hukum jenayah dan undang-undang keluarga (Muhammad Yusoff Hashim, 1976).

Penambahbaikan ke atas undang-undang Melaka dilakukan dari masa ke semasa dan diantara isi-isi yang terkandung dalam Undang-Undang Melaka ialah undang-undang maritim, undang-undang perkahwinan Islam, undang-undang jual beli, undang-undang negeri dan undang-undang Johor. Atas arahan Sultan Muzaffar Shah semua undang-undang ini digubal dan dibukukan dalam satu salinan (Liaw Yock Fang, 1983). Oleh kerana bentuk pemerintahan baginda berkonsepkan Islam, maka Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka telah diaplikasikan mengikut landasan syarak. Pindaan terhadap undang-undang ini juga dilakukan secara adil tanpa menindas mana-mana pihak terutamanya rakyat yang berada di bawah tanggungannya (Ahmat Adam, 2016). "*Shahdan, adalah Sultan Mudzaffar Shah di atas kerajaan terlalu baik fiel baginda, dengan adil dan murah dan saksama pada memeriksa segala rakyat dan ialah menyuruh membuat undang-undang supaya jangan bersalahan adat segala hukum menterinya.*" (Ahmat Adam, 2016: 37)

Gambaran berkenaan sifat Sultan Muzaffar Shah adalah positif. Baginda dikatakan seorang yang sangat pemurah terhadap rakyat dan bersikap adil dalam proses penggubalan undang-undang yang tidak menyebelahi mana-mana pihak dan tidak menindas golongan yang tertentu. Baginda merupakan pemerintah pertama yang mengamalkan dasar dan prinsip Islam di dalam sistem pemerintahannya serta bersungguh-sungguh memastikan rakyat Melaka menerima asas pendidikan Islam yang sebenar. Baginda dilihat sebagai seorang pemimpin yang prihatin terhadap rakyat hal ini berikutan penggubalan undang-undang dan pelaksanaannya yang tidak berat sebelah serta tidak medatangkan kemudaratan kepada mana-mana pihak. Namun, hukuman yang dijatuhkan adalah untuk mendidik pesalah berdasarkan kehendak dan garis panduan dari al-Quran dan As-Sunnah. Penggubalan undang-undang Islam yang telah ditetapkan oleh Sultan Muzaffar Shah diteruskan oleh pewaris seterusnya iaitu Sultan Mansur Shah (Fransisco De Sa De Menenes, 1970).

Berdasarkan sumbangan dua orang sultan ini, Melaka mencapai kegemilangan Islam yang tertinggi ekoran daripada akhlak dan keperibadian mereka serta pelaksanaan konsep pemerintah Islam dalam sistem pentadbiran Melaka. Sistem pentadbiran yang berlandaskan Islam disusuli pula dengan penguatkuasaan undang-undang yang mengutamakan syarak telah menjadikan Islam agama yang dikagumi oleh setiap pedagang yang datang berdagang di pelabuhan Melaka. Kedua-dua pemerintah ini juga tanpa segan silu berguru dengan alim ulama

bagi meluaskan lagi ilmu agama bahkan kedudukan seorang guru itu dimuliakan dan ditinggikan martabat mereka sebagai tanda menzahirkan penghargaan kepada guru-guru alim ini kerana manabur bakti dalam usaha meyebarkan dakwah dan menyampaikan ilmu di Melaka. Pendakwah-pendakwah ini turut diangkat sebagai penasihat agama kepada sultan selain diberi ruang yang luas untuk mengajar di istana. Situasi ini memberikan cerminan yang baik kepada masyarakat tempatan kepada penerimaan Islam (Schrieke, 1966; Zubir Idris, 2011).

## KESIMPULAN

Perdagangan adalah nadi kepada ekonomi Kesultanan Melayu Melaka. Sehubungan itu, usaha yang dilakukan oleh pemerintah Melaka adalah sewajarnya dilaksanakan bagi memastikan Melaka terus bangkit sebagai sebuah kerajaan yang masyhur dengan aktiviti perdagangan di rantau Asia Tenggara. Kestabilan politik di Melaka memberikan cerminan yang baik terhadap orang luar akan kedudukan Melaka yang aman damai. Pemerintah Melaka juga tidak sesekali mengabaikan pedagang asing bahkan mereka disajikan keselesaan dan dijamin dengan keamanan (Zubir Idris, 2011).

Antara perkara yang dititikberatkan adalah dengan menjaga keperluan pedagang melalui penyediaan kemudahan-kemudahan yang utama seperti penginapan dan bahan makanan yang mencukupi. Faktor keamanan juga sangat penting kerana setiap pedagang ini membawa jumlah barangan yang mencecah nilai yang sangat tinggi. Sekiranya keselamatan diabaikan sudah tentu hal ini menjadi kekusaran kepada setiap pedagang apabila datang berdagang di pelabuhan Melaka. Namun demikian, pemerintah Melaka tidak memandang hal ini sebagai sesuatu yang enteng, bahkan isu keselamatan diperketat melalui pengukuhan undang-undang yang merujuk kepada undang-undang berteraskan syariat dan sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan keselamatan para pedagang apabila datang ke pelabuhan Melaka.

Kedudukan Melaka yang berada di lokasi yang strategik adalah penyebab kepada perkembangan agama Islam kerana emporium pelabuhan Melaka menjadi pusat tumpuan para pedagang dari seluruh dunia. Dalam hal ini, pendakwah-pendakwah ini telah menyumbangkan usaha masing-masing bagi memperkembangkan ilmu pengetahuan selaras dengan kehendak Islam di Melaka. Usaha dan peranan pemerintah juga tidak boleh dinafikan kerana tanpa keizinan pemerintah para pedagang ini sama sekali tidak dapat menyebarkan Islam di Melaka. Sikap ingin tahu pemerintah terhadap pengajian agama juga sangat menggalakkan dan mereka sentiasa membuka ruang dan peluang kepada semua masyarakat yang ingin menuntut ajaran Islam daripada ulamak-ulamak yang datang bertandang ke Melaka.

Usaha para pemerintah ini sentiasa berkesinambungan, bermula daripada Sultan Muhammad Shah hinggalah ke Sultan Mahmud Shah. Dakwah Islam tidak pernah terhenti dan berterusan sehingga kejatuhan Melaka dan disambung pula oleh kerajaan Aceh. Bahkan keimanan masyarakat Islam di Tanah Melayu ini wajar dipuji kerana pelbagai asakan yang dilakukan oleh Portugis dan Belanda untuk tujuan *gospel* sama sekali tidak berjaya kerana sehingga ke hari ini sukar untuk menemui orang Melayu yang lahir bukan beragama Islam. Hal ini membuktikan bahawa sistem pendidikan Islam yang diamalkan sepanjang pembentukan Kesultanan Melayu Melaka sangat berkesan walaupun semua itu tidak berlaku dalam bentuk persekolahan rasmi tetapi berjaya membentuk akidah masyarakat Islam yang mantap dan beriman kepada Allah.

Usaha dakwah pemerintah juga bukan hanya ditumpukan di Melaka sahaja tetapi diperluaskan dan disebarkan ke negeri-negeri yang berada di bawah naungan Melaka dan kaedah dakwah yang digunakan adalah melalui perkahwinan, penaklukan dan hubungan diplomasi. Sebagai sebuah kerajaan yang dikagumi usaha yang dibawa Melaka sama sekali

tidak pernah ditolak bahkan diterima dengan hati terbuka kerana kekaguman pemerintah luar kepada sultan daripada Kesultanan Melayu Melaka selain turut tertarik dengan konsep agama Islam yang diperkenalkan.

### **RUJUKAN**

- A. Samad Ahmad. 1970. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Monir Yacob. 2016. *Perkembangan Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, Selangor: Universiti Islam Malaysia.
- Abdullah Ishak. 1990. *Islam di Nusantara Khususnya Tanah Melayu*. Rahmaniah: Selangor.
- Adib Majul. 1978. *Muslim in the Philipines*. Philipine: University Philipine Press.
- Ahmat Adam. 2016. *Antara Sejarah dan Mitos*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Alfonso Dalboquerque. 1875. *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque, Second Viceroy of India*. London: The Haklyut.
- Arnold, T.W. 1975. *The Preaching of Islam: A history of the Propogation of the Muslim Faith*. Delhi: Reinassance Publication House.
- B. Schrieke. 1957. *Indonesian Sociological Studies*. Bandung: The Hague.
- Barthhold Wilhelm. 1963. *Four Study on the History of The Central Asia*. Leiden: Brill.
- Chandra Muzaffar. 1992. *Pelindung? Suatu Kajian Tentang Konsep Dan Amalan Kesetiaan Dalam Hubungan Antara Pemimpin Dan Pengikut Dalam Masyarakat Melayu*. Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara.
- Cheah Boon Kheng. 1998. Abdul Rahman Haji Ismail: Merumikan dalam *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: MS Raffles.
- Donald K. Swearer. 1995. *The Buddhist World of Southeast Asia*. Barkeley: Asia Humanities Press.
- Fatimi. S. Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysia Sociological Research Institute.
- Fransisco De Sa De Menenes. 1970. *The Conquest of Melaka*, Terj. Edgar C. Knowlton JR. Kuala Lumpur: UM Press.
- Geoff Wade. 2007. *Melaka in Ming Dynasty Texts dalam Southeast Asia China Interaction*. Kuala Lumpur: JMBRAS.

- Hall, D.G.E. 1996. *A History of Southeast Asia*. London: Mcmilan & Co.
- Hamka. 2016. *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: PTS.
- Ismail Hamid. 1983. *The Malay Islamic Hikayat*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Institut Bahasa.
- Ismail Hamid. 1985. *Peradaban Melayu dan Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Khoo Kay Kim. 1982. *Melaka dan Sejarahanya*. Melaka: Persatuan Sejarah Melaka.
- Liaw Yock Fang. 1983. *Melaka The Transformation of Malay Capital 1400-1980*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mahmud Junus. 1971. *Sejarah Islam di Minangkabau*. Jakarta: Al-Hidayah.
- Majul, C.A. 1964. Theories of the Introduction and Expansion of Islam in Malaysia. *Siliman Journal*, Fourth Quarter.
- Mills, J.V. 1930. (trjm). Eredia's Description of Melaka, Meridional India and Cathay Translated from Portuguese with Notes, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 71 (2), 137-141.
- Mohamed Anwar Omar Din. 2011. Asal-usul orang Melayu: Menulis Semula Sejarahanya. *Jurnal Melayu*, 6, (2), 1-82.
- Mohd Jamil Mukmin. 2004. *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*. Melaka: IKSEP.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1976. Undang-Undang Pada Masa Kesultanan Melaka 1400-1511. *Prosiding Sejarah Melaka*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Disember.
- O.B Schrieke. 1966. *Indonesian Sociological Studies*. The Hague: Van Hoeve Publisher.
- Overbeck, H. 1993. The Answer of Pasai. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 11. (1) 254-260.
- Paul Wheatley. 1964. *Impression of the Malay Peninsula in Ancient Times*. Singapore: Eastern University Press.
- Pintado, M.J. 1993. Portugese Documents on Melaka (1510-1511). Kuala Lumpur: National Archieves of Malaysia.
- Syed Muhammad Naqiub Al-Attas. 2015. *Tarikh Sebenar Batu Bersurat Terengganu*, Kuala Lumpur: UTM.
- Shellabear. W.G. 1977. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Syed Zulfida. 2008. *Pentadbiran Melaka Darul Azim dalam Polemik Sejarah Melaka*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Winstedt. R.O. 1935. *A History of Malaya*. Singapore: Marican Sons.

Zubir Idris. 2011. Etnosentrisme Melayu dalam Sulatus Salatin, *Jurnal Melayu*. 7, (1), 107-120.

Zubir Uthman. 1937. *Melaka Pusat Perkembangan Islam di Nusantara dalam Melaka dan Sejarahnya*. Melaka: Persatuan Sejarah Melaka.

**Biodata penulis:**

**Syaimak Ismail** merupakan pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Johor, bidang kepakaran ialah sejarah dan tamadun Islam.

**Muhammad Saiful Islam** merupakan pensyarah kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Kedah, bidang kepakaran Perbankan Islam

**Muhammad Anas Ibrahim** merupakan pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam dan kontemporari UiTM Terengganu, bidang kepakaran syariah Islamiyah

**Mohd Khairi Ismail** merupakan pensyarah kanan di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Terengganu, bidang kepakaran ekonomi